



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
APRIL 2022

**Inflasi Makanan pada April meningkat lebih tinggi pada 4.1 peratus
dengan 89.1 peratus item makanan bagi kumpulan Makanan &
Minuman telah merekodkan kenaikan**

PUTRAJAYA, 25 Mei 2022 – Indeks Harga Pengguna April 2022 meningkat 2.3 peratus kepada 125.9 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini adalah melepasi purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga April 2022 (1.9%). Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam keluaran terkini **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), APRIL 2022**.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, **"Inflasi Makanan pada April meningkat lebih tinggi pada 4.1 peratus dengan 89.1 peratus item makanan bagi kumpulan Makanan & Minuman telah merekodkan kenaikan**. Ini diikuti oleh Restoran & Hotel (3.2%); Pengangkutan (3.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.3%). Pendidikan mencatatkan peningkatan 1.0 peratus dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 0.8 peratus. Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan masing-masing meningkat secara marginal 0.5 peratus dan 0.2 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.2 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya".

Mengulas mengenai laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan, “Kenaikan inflasi makanan yang menjadi penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna, kekal menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi. Inflasi kumpulan ini meningkat 4.1 peratus pada April 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan bagi kumpulan ini sebahagian besarnya berpunca dari kenaikan ketara komponen Makanan di luar rumah yang meningkat 4.4 peratus berbanding 4.0 peratus yang dicatatkan pada bulan Mac 2022. Sebagai contoh, Sate dan Nasi berlauk mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 7.1 peratus (Mac 2022: 6.6%). Masakan berasaskan sayur dan Masakan berasaskan Daging masing-masing meningkat 6.9 peratus (Mac 2022: 5.7%) dan 5.7 peratus (Mac 2022: 5.2%). Sementara itu, Makanan di rumah yang merujuk kepada bahan mentah untuk penyediaan makanan di rumah meningkat 4.1 peratus berbanding setahun lalu”.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menambah bahawa kesemua subkumpulan bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan. Subkumpulan Susu, keju & telur menunjukkan kenaikan tinggi sebanyak 7.2 peratus berbanding 7.0 peratus pada bulan sebelumnya. Ini diikuti oleh kenaikan Daging (6.2%), Sayur-sayuran (4.5%) dan Ikan & makanan laut (3.8%). Peningkatan harga sayur-sayuran adalah disebabkan oleh cuaca tidak menentu telah menjejaskan kematangan sayur-sayuran dan menyebabkan penyusutan bekalan di pasaran. Selain itu, peningkatan harga ini juga disebabkan oleh peningkatan harga baja, kos logistik dan kekurangan sumber tenaga manusia di tapak pertanian. Kerajaan telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 yang bermula pada 26 April sehingga 10 Mei 2022 sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran sebelum dan sehingga selepas perayaan. Pelaksanaan SHMMP ini dijangka akan meredakan inflasi Mei 2022 terutamanya bagi kumpulan Makanan.

Peningkatan dalam kumpulan Pengangkutan terutamanya disebabkan oleh peningkatan purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 kepada RM3.84 seliter berbanding RM2.55 seliter pada bulan yang sama tahun lalu. Ini sejajar dengan kenaikan 63.3 peratus harga minyak mentah Brent kepada \$AS105.78 setong pada

April 2022. Selain itu, Pembaikan & penyelenggaraan untuk pengangkutan meningkat 8.0 peratus (April 2021: 2.2%).

Bagi perbandingan bulanan, IHP meningkat 0.2 peratus berbanding Mac 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh Makanan & Minuman Bukan Alkohol; Pengangkutan; Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan dan Restoran & Hotel yang masing-masing meningkat secara marginal 0.4 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Kesemua negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi di mana dua negeri menunjukkan peningkatan melepasi paras inflasi nasional 2.3 peratus. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%). Sementara itu, Pahang (1.6%) dan Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.4%) merupakan dua negeri yang mempunyai peningkatan inflasi yang paling rendah. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.7%) diikuti oleh Pulau Pinang (4.4%), Perak (4.2%) dan Johor (4.2%). Peningkatan yang berlaku adalah disebabkan oleh kenaikan harga Makanan di luar rumah pada April 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 4.1 peratus pada April 2022".

Beliau turut menambah bahawa inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat 2.3 peratus daripada 123.6 pada April 2021 kepada 126.4 pada April 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol 4.1 peratus yang meningkat pada kadar yang sama seperti inflasi keseluruhan. Peningkatan adalah daripada subkumpulan Susu, keju & telur (8.1%) diikuti oleh Daging (6.0 %), Minyak & lemak (4.8%) dan Sayur-sayuran (3.9%). Inflasi Restoran & Hotel juga meningkat 3.6 peratus diikuti Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.4%); Pengangkutan (1.8%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.8%) dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.8%).

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan. Inflasi teras telah mencatatkan peningkatan 2.1 peratus pada April 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Pengangkutan iaitu 4.2 peratus. Selain itu, kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol turut mencatatkan kenaikan 3.8 peratus, diikuti oleh Restoran & Hotel (3.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.3%).


Mengulas mengenai inflasi negara lain, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kadar inflasi Zon Euro meningkat 7.4 peratus pada April 2022 (Mac 2022: 7.4%), tiga kali lebih tinggi daripada sasaran *European Central Bank* (2.0%). Kadar inflasi di Amerika Syarikat meningkat sederhana kepada 8.3 peratus pada April 2022 (Mac 2022: 8.5%). Perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (2.3%) adalah lebih tinggi berbanding China (2.1%) namun lebih rendah dari Filipina (4.9%), Republik Korea (4.8%), Thailand (4.7%) dan Indonesia (3.5%)".

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.


Carta 1

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - April 2022













Carta 2

Inflasi Teras Malaysia, Januari 2015 - April 2022




Carta 3

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, April 2021 – April 2022




Carta 4

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, April 2022




Carta 5

Inflasi bagi Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, April 2022




Carta 6

Inflasi Makanan Terpilih bagi Pendapatan Isi Rumah Kurang daripada RM3,000, April 2020 – April 2022




Carta 7

Inflasi mengikut Negeri, April 2022



Carta 8

Inflasi bagi Negara Terpilih, April 2020 – April 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 MEI 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
APRIL 2022

Food inflation in April was higher at 4.1 per cent with 89.1 per cent of food items in Food & Beverages group recorded increases

PUTRAJAYA, 25 May 2022 – The Consumer Price Index April 2022 increased 2.3 per cent to 125.9 as against 123.1 in the same month of the preceding year. The increase surpassed the average inflation in Malaysia for the period January 2011 to April 2022 (1.9%). The Department of Statistics, Malaysia reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), APRIL 2022**.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, ***"Food inflation in April was higher at 4.1 per cent with 89.1 per cent of food items in Food & Beverages group recorded increases. This was followed by Restaurants & Hotels (3.2%); Transport (3.0%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.7%); Miscellaneous Goods & Services (1.8%) and Recreation Services & Culture (1.3%). Education registered an increase of 1.0 per cent and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels increase 0.8 per cent. Alcoholic Beverages & Tobacco and Health increased marginally by 0.5 per cent and 0.2 per cent respectively. Communication remained unchanged, while Clothing & Footwear declined 0.2 per cent as compared to the same month of the preceding year"***.

Commenting on the report, the Chief Statistician Malaysia explained, “The increase in food inflation, which contributed the highest to the overall weight of Consumer Price Index, remained to be a major contributor to inflation. Inflation for this group increased 4.1 per cent in April 2022 as compared to the same month of the previous year. The increase in Food & Non-Alcoholic Beverages group was largely due to an increase in the component for Food away from home which inclined 4.4 per cent as compared to 4.0 per cent as recorded in March 2022. For instance, both Satay and Rice with side dishes recorded higher increase of 7.1 percent (March 2022: 6.6%). Cooked vegetables and Cooked beef increased 6.9 per cent (March 2022: 5.7%) and 5.7 per cent (March 2022: 5.2%) respectively. Meanwhile, Food at home which refers to raw materials for cooking preparation at home increased 4.1 per cent as compared to a year ago”.

The Chief Statistician Malaysia further added that all subgroups in Food & Non-Alcoholic Beverages recorded increases. The subgroup of Milk, cheese & eggs showed a higher increase of 7.2 per cent as compared to 7.0 per cent in the previous month. This was followed by the increase in Meat (6.2%), Vegetables (4.5%) and Fish & seafood (3.8%). The increase in vegetable prices was due to weather uncertainties that this has affected the maturity of vegetables and caused a decline in supply in the market. In addition, the incline in the price was attributed to the increase of fertiliser prices, logistics costs and labour shortage at agricultural sites. The government has implemented the Maximum Price Scheme for the 2022 Hari Raya Puasa Celebration Season (SHMMP) from 26 April until 10 May 2022 as an initiative to stabilise the price of goods and to ensure the availability of supply in the market prior to up to after the celebration. The implementation of SHMMP is expected to ease the inflation in May 2022 especially for the Food group.

The increase in the Transport group was largely due the increase in the average price of Unleaded Petrol RON97 of RM3.84 per litre as compared to RM2.55 per litre in the same month last year. This was in line with the 63.3 per cent increase in Brent crude oil prices to \$US105.78 per barrel in April 2022. In addition, the Repair and maintenance of personal transport also increased 8.0 per cent (April 2021: 2.2%).

On a monthly basis, the CPI increased 0.2 per cent as compared to March 2022. The increase was attributed by Food & Non-Alcoholic Beverages; Transport; Recreation Services & Culture and Restaurants & Hotels, which increased marginally by 0.4 per cent respectively.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "All states registered increases in inflation while two states showed increases above the national inflation level of 2.3 per cent. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%). Meanwhile, Pahang (1.6%) and Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.4%) were the two states with the lowest CPI increase. All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.7%) followed by Pulau Pinang (4.4%), Perak (4.2%) and Johor (4.2%). The increase was due to higher prices of Food away from home in April 2022 as compared to the same month last year. Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of 4.1 per cent in April 2022".

He also added that inflation for the income group below RM3,000 increased 2.3 per cent from 123.6 in April 2021 to 126.4 per cent in April 2022. The increase was contributed by Food & Non-Alcoholic Beverages group at 4.1 per cent which increased at the same rate as the headline inflation. The increases were from subgroup of Milk, cheese & eggs (8.1%) followed by Meat (6.0%); Oils & fats (4.8%) and Vegetables (3.9%). The inflation for Restaurants & Hotels also went up 3.6 per cent followed by Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.4%); Transport (1.8%); Recreation Services & Culture (1.8%) and Miscellaneous Goods & Services (1.8%).

Core inflation measures changes in the prices of all goods and services, excluding volatile items of fresh food as well as administered prices of goods by the government. Core inflation registered an increase of 2.1 per cent in April 2022 as compared to the same month of the previous year. The higher increase was recorded by Transport group with 4.2 per cent. In addition, the Food & Non-Alcoholic Beverages group also recorded an increase of 3.8 per cent, followed by Restaurants & Hotels (3.2%);

Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.7%); Miscellaneous Goods & Services (1.8%) and Recreation Services & Culture (1.3%).

Commenting on inflation of other countries, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "The Eurozone inflation rate rose 7.4 per cent in April 2022 (March 2022: 7.4%), three times above the European Central Bank target (2.0%). The inflation rate in the United States increased 8.3 per cent in April 2022 (March 2022: 8.5%). In comparison to the selected countries in the Asia Pacific region, the inflation rate in Malaysia (2.3%) was higher than China (2.1%) but lower than Philippines (4.9%), Republic of Korea (4.8%), Thailand (4.7%) and Indonesia (3.5%)".

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by respondents in providing their information and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - April 2022




Chart 2

Malaysia Core Inflation, January 2015 - April 2022



Chart 3

Inflation by Main Group, April 2021 – April 2022













Chart 4

Inflation by Main Group, April 2022




Chart 5

Inflation for Subgroup of Food & Non-Alcoholic Beverages, April 2022




Chart 6

Inflation of Selected Food for Household Income Below RM3,000, April 2020 – April 2022




Chart 7

Inflation by State, April 2022





Chart 8

Inflation of Selected Countries, April 2020 – April 2022



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

25 MAY 2022